

BAB 4

KEGIATAN SOSIAL PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI

4.1 AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIADAKAN

Persatuan Bersemangat Suci melalui penyertaan aktiviti-aktiviti yang diadakan memperkenalkan persatuannya kepada orang ramai. Didapati bahawa sebilangan besar ahlinya terdiri daripada pemuda-pemudi sama ada masih menuntut atau telah bekerja. Maka aktiviti yang diadakan lebih bertumpu kepada golongan tersebut berbanding dengan golongan yang menjelang umur. Dari segi ras, kebanyakannya ahli terdiri daripada orang Cina dan sebahagian kecil sahaja merupakan orang India.

Memandangkan keadaan demikian, aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh PBS dapat bagi kepada tiga jenis yang asas. Pertama, kursus-kursus prinsip dan perbincangan falsafah kehidupan. Kedua, kerja-kerja sukarela dan perkhidmatan untuk masyarakat dan ketiga, seminar mengenai prinsip-prinsip baru dan perjumpaan persahabatan yang lebih berbentuk hiburan.

Kursus-kursus prinsip dan falsafah kehidupan dilaksanakan seperti "Sunday Service", perjumpaan mingguan untuk mempelajari falsafah PBS juga diadakan. Dalam perjumpaan mingguan ini, ia diadakan di pusat PBS di Kuala Lumpur. Pada hari Selasa, penerangan dalam bahasa Inggeris diadakan, manakala bahasa Cina akan diadakan pada hari berikutnya. Ajaran PBS ini diterangkan berdasarkan Divine Principle. Seminar jangka pendek selama sehari, dua hari, empat hari dan

riga hari juga diadakan. Semua peserta dikehendaki membayar sejumlah wang untuk seminar ini. Ajaran PBS yang asas dibingkangkan dan kursus ini sesuai untuk ahli-ahli baru.

Sebagai pengalaman pengkaji, pengkaji pernah menyertai seminar sehari di Petaling Jaya pada bulan Mei 1991. Pengkaji bayar \$5.00 untuk kursus dari pukul 11.00 hingga 4.00 petang. Dalam seminar tersebut, topiknya berputar-putar di antara "God" dan "love", makanan dan minuman disediakan. Walaupun tiap peserta diberi peluang bersuara tetapi masanya tersingkat sekali. Perasaan pengkaji selepas menyertai seminar ini ialah terlalu letih dan otak selalu berpusing-pusing dengan teori PBS yang diceramahkan selama 5 jam. Perasaan sedemikian amat menyeksakan.

Untuk menjadi ahli PBS, seseorang mesti menyertai seminar jangka pendek ini. Selepas itu, "Workshop Seminar" selama 21 hari, 40 hari dan 121 hari juga diadakan, dan biasanya ia dilancarkan di luar negeri seperti di Filipina, Bangkok, Singapura dan sebagainya. Sepanjang "Workshop Seminar" dijalankan, falsafah **Divine Principle** dibincang dan diterangkan dengan lebih mendalam.

Aktiviti jenis kedua meliputi kerja-kerja kebajikan dan sukarela. Ini merupakan aktiviti yang menarik bagi kebanyakan pelajar sekolah. Pusat PBS sebagai "pusat pendidikan" memberikan tuisyen murah atau percuma kepada murid sekolah sebagai salah satu langkah menarik pelajar sekolah menjadi ahli. Mengikut kajian, ahli PBS yang berpakaian kemas dan peramah akan menunggu di pusat tumpuan orang ramai, seperti pusat membeli-belah, bas stesyen,

sekeliling sekolah untuk mencari sasaran berdasarkan aktiviti kategori kedua ini. Lawatan dan aktiviti kempen serta berkhemah juga diperkenalkan untuk menarik perhatian penuntut sekolah yang sedang mencari sesuatu yang baru pada peringkat umur ini.

Di samping aktiviti yang disebutkan, kerja-kerja kebajikan seperti lawatan ke rumah orang-orang tua, rumah anak-anak yatim atau kempen membersihkan kawasan tertentu juga diadakan. Sebagai contoh, kempen membersihkan kawasan flat Rifle Range, Pulau Pinang (22) pernah diadakan pada 23hb Jun 1991. Tetapi kempen ini tidak berjaya kerana sambutan dingin oleh penduduk tempatan. Projek "Spiritual Pilgrimage"(23) ,iaitu lawatan sambil belajar agama kaum lain diadakan. Dalam projek ini, orang ramai dijemput untuk melawat tokong-tokong Cina, masjid dan kuil-kuil orang Hindu. Tujuannya untuk memberi peluang kepada pemuda mendekati dan memahami agama dan adat-istiadat kaum lain, demi mewujudkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang aman dan harmoni.

Dalam kempen menjual barangan seperti yang disebut dalam bab 3.5.0, ia diusahakan oleh ahli-ahli persatuan yang tidak bekerja. Mereka akan menjual barangan dari rumah ke rumah, atau di sekitar pusat bandar. Menurut Encik Chew, kempen ini diadakan sebulan sekali, tetapi menurut seorang bekas ahli (24), terdapat ahli berkhidmat sepenuh masa dalam kempen ini, di mana mereka menjual barangan enam hari seminggu. Bayaran mereka ialah \$5.00 sehari, dan ada yang

separuh masa di mana mereka menjual dua hari seminggu. Perkhidmatan mereka merupakan sukarela semata-mata, tiada bayaran akan diberikan. Setiap ahli tidak dapat komersial dari keuntungan kempen menjual barang ini. Golongan ini telah disalurkan pemikiran bahawa melalui penyertaan ini, dosa mereka dapat diringankan. Ini menjadi penarikan utama khasnya kepada pemuda yang tiada pengalaman dalam masyarakat.

Penjualan ginseng seperti dikatakan di bab yang lalu, hanya terhad dijual oleh ahli tertentu sahaja disebabkan harganya yang tinggi. Syarikat yang mengimpot barang hasilan ginseng ialah IL Hwa Korean Ginseng (M) Sdn.Bhd. Bukan sahaja di Malaysia, di kebanyakan negara juga mempunyai syarikat sedemikian untuk mengusahakan peniagaan penjualan ginseng. Boleh dijangka bahawa sebenarnya PBS di seluruh dunia sentiasa memperolehi keutungan lumayan darinya. Maka sekiranya mengatakan PBS di Malaysia adalah sangat miskin adalah sukar dipercayai.

John Butterworth (25) pernah membincangkan perniagaan PBS dengan mengatakan :

"The movement wants to promote new standards in industry and business, giving quality of product and concern for the customer. Their network of businesses ranges from factories on Korea making tools, weapon parts and ginseng tea to Tokyo - based company which markets honey from China."

Kategori ketiga aktiviti PBS ialah perjumpaan persahabatan dan prinsip-prinsip baru. Pada perayaan tertentu, miasalnya Tahun Baru Cina, hari merdeka, Parents

pay, Childrens' Day dan sebagainya, PBS akan menjemput ahli-ahli dan orang luar menyertai mereka. Kad-kad temputan(26) juga akan hantar kepada mereka yang berminat terhadap PBS, mungkin juga kepada orang yang pernah melawat pusat persatuan walaupun sekali sahaja.

Selain daripada aktiviti yang disebutkan, dalam bidang akademik, Professors World Peace Academy(PWPA) dan Collegiate Association For The Research Of Principles(CARP) ditubuhkan. PWPA yang pertama diadakan pada 1990 di Malaysia dengan kehadiran profesor dari universiti tempatan, termasuk dari Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mengenai CARP, ia merupakan satu pertubuhan tersendiri, hanya sebagai naungan PBS. Setiap ahli CARP ialah ahli PBS, tetapi setiap ahli PBS tidak semesti ahli CARP. Ini kerana ia dihadkan penyertaan oleh pelajar sekolah dan pusat pengajian tinggi sahaja. Aktiviti yang dijalankan lebih kena-mengena dengan aktiviti penuntut sekolah, seperti berkhemah, forum, pembelajaran sukan dan sebagainya. Sesi kauseling juga diadakan khusus untuk pelajar sekolah yang menghadapi masalah. Galakkan sentiasa diberikan berdasarkan Divine Principle.

Sebagai kesimpulan, kegiatan sosial PBS bertujuan baik untuk melatih dan membina seseorang individu yang bersemangat, rajin dan bertanggung-jawab dalam masyarakat, tetapi kadang-kala ia juga mendatangkan keburukan. Misalnya terdapat murid sekolah menyertai kempen menjual barang

sehingga tertinggal dalam pelajaran mereka, dan menjadikan mereka terpaksa berhenti sekolah. Terdapat kritikan oleh orang awam, kononnya ahli PBS telah "brainwash" oleh pihak persatuan sehingga mereka sanggup berkhidmat dan menyumbangkan segala-galanya kepada persatuan. Sejauh mana punarnya kenyataan ini masih menjadi persoalan.

4.2 PENGARUH INDIVIDU

Ajaran PBS amat mementingkan pengembalian seseorang kepada kesucian. Bab ini akan membincangkan pengembalian kesucian individu dari segi praktikal dan ciri-ciri tarikan pemuda-pemudi dalam persatuan.

Tidak dapat dinafikan pemuda merupakan golongan yang penting dalam mana-mana pertubuhan. Semasa peringkat remaja, masalah yang dihadapi adalah pelbagai. Misalnya masalah pelajaran, percintaan dan kekurangan kasih-sayang dalam keluarga. Ibu bapa kini lebih mengejar kebendaan berbanding dengan memahami pemikiran anak-anak mereka. Kekurangan kasih-sayang dalam keluarga menyebabkan banyak masalah sosial berlaku.

PBS telah mengambil kesempatan ini kononnya dapat berikan kasih-sayang kepada pemuda-pemudi yang mempunyai masalah sedemikian. Ahli-ahli persatuan yang peramah dan komes dan sentiasa rela menghulurkan pertolongan kepada sesiapa yang perlu memberikan pandangan amat baik kepada pemuda yang sesal.

Pada amnya, ahli PBS akan menjemput seseorang menyertai perjumpaan mereka, khasnya aktiviti di luar bilik

seperti berkhemah, sukan dan sebagainya. Kebanyakan pemuda mengakui aktiviti ini kerana di samping casaran, ia dapat menghilangkan kesunyian mereka.

Dalam proses mencari ahli baru, jemputan ke perjumpaan mereka diadakan. Dalam perjumpaan pertama, ahli persatuan menekankan bahawa tujuan penubuhan persatuan ialah mencapai keamanan di dunia, dan pertubuhan mereka bukan satu pertubuhan agama. Sekiranya setelah dipujuk, seseorang masih tidak berminat dalam PBS, ahli PBS akan minta nama dan nombor telefon orang tersebut. Tiap kali aktiviti diadakan, berdasarkan nama dan nombor telefon, ahli PBS terus menjemput kedatangannya sehingga berjaya. Kebiasaannya seseorang tidak dapat menolak "kesetiaan" ahli PBS dan akhirnya akan menghadiri perjumpaan mereka.

Tidak dapat dinafikan terdapat ciri-ciri keistimewaan Persatuan Bersemangat Suci yang berjaya mendapat ahli-ahli yang banyak di Malaysia, khasnya pemuda-pemudi. Secara kasar, ciri-ciri penarikan dapat dirumuskan seperti di bawah.

Pertama, personaliti ahli-ahli PBS yang peramah, terpakai kemas dan cekap dalam pertuturan menjadikan ahli persatuan sehingga matlamat mereka tercapai.

Kedua, Ahli persatuan dari segi psikologi tahu apa yang dikehendaki oleh pemuda peringkat remaja. Kasih-sayang yang diberikan kepada seseorang akan bantu PBS menarik lebih ramai ahli.

Ketiga, ahli PBS akan pengaruhi seseorang bahawa persatuan mereka adalah luar biasa dan akan mencapai keamanan di dunia. Keempat, aktiviti yang diadakan oleh PBS sangat menarik hati, khasnya terhadap pemuda-pemudi.

Berdasarkan faktor-faktor yang disebut di atas, seseorang pemuda adalah mudah dipengaruhi dan menjadi ahli PBS. Ketidaksedaran ibu bapa atas kegiatan luar anak-anak juga menjadi salah satu faktor utama. Ini sedikit sebanyak menyebabkan anak mereka merasa kehilangan dan sanggup menyumbangkan segala-galanya untuk perkembangan persatuan.

4.3 "MASS-WEDDING"

"Mass-wedding" di sini merujuk kepada upacara perkahwinan beramai-ramai yang dijalankan oleh pendita Sun Myung Moon dan isterinya. Ia merupakan satu tradisi persatuan, dan biasanya ia dilancarkan di Korea. Salah satu faktor menyebabkan PBS terkenal di dunia juga disebabkan oleh "mass-wedding" ini.

Salah satu peraturan yang ketat dan mesti diikuti oleh ahli PBS ialah mereka tidak dibenarkan mencari pasangan mereka sendiri. Pasangan hidup hanya ditentukan oleh pendita Moon semasa "mass-wedding" diadakan. Menurut artikel yang ditulis oleh Joseph H. Fichter (27),

"Any member who wants to marry outside the Unification community has obviously misunderstood the central significance of sharing religious values in lifelong fidelity."

Keistimewaan "mass-wedding": ia dijalankan secara

beramai-ramai. Ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam upacara perkahwinan ini terhad kepada ahli PBS yang masih sujang sahaja dari 120 buah negara. Mereka akan diatur dan diarahkan berkumpul di Korea pada masa dan tempat yang ditentukan. Hanya pada saat upacara perkahwinan dijalankan, mereka akan tahu siapakah pasangan hidup mereka sebenarnya. Pasangan mereka mungkin berbeza dari segi warna kulit, bahasa, budaya dan kewarganegaraan.

Berdasarkan keadaan ini, Joseph H.Fichter (28) mengatakan :

"The conventional pattern of marrying someone of your nationality, and especially of your own race, is widely disregarded in the movement. Inter-racial marriage are seen as an important solution to break down the racial barriers and ethnic resentment that historically has divided the world."

Sebaik sahaja pasangan ditentukan, mereka boleh menolak sekiranya tidak puas dengannya dan akan dipilih oleh pendita Moon lagi. Tetapi kes begini tidak banyak berlaku. Menurut Joseph H.Fichter (29) lagi,

"you try to have confidence in your prayer life that God knows what is best for you, that He will work through Reverend Moon to suggest the proper match for you".


Selepas penentuan pasangan, kedua pasangan dikehendaki berpisah di antara tempoh 40 hari hingga 3 tahun. Dalam tempoh ini, perhubungan surat-menjurat diadakan. Mereka dikehendaki menyucikan diri melalui penyertaan aktiviti persatuan. Ini ialah untuk mengukuhkan

lagi kepercayaan mereka kepada Tuhan. Dalam tempoh ini juga, mereka mesti menyumbangkan tenaga kepada perkembangan persatuan. Perhubungan seks diharamkan kerana dianggap paling kotor sekali sekiranya dilakukan oleh pasangan yang belum menubuhkan rumah tangga.

4.3.1 PERSEPSI PERKAHWINAN

Perkahwinan PBS dilangsung berdasarkan "kehidupan bahagia berpusatkan kesayangan Tuhan". Ia sebenarnya berkait rapat dengan konsep "membahagikan darah" yang dikemukakan oleh pendita Lee dan Wong(30).

Teori perkahwinan PBS dapat diringkaskan di bawah:




Melalui "mass-wedding", seseorang ahli persatuan dapat menyucikan darah yang kotor kepada suci dan menubuhkan keluarga bahagia. Matlamat terakhirnya ialah "lahir semula" dengan tubuh yang suci. Joseph H.Fichter mengatakan (31) :

"The primary purpose of marriage is to give joy and glory to God, and the primary of sexual coition is the procreation of children..... We both love God more than we love each other; and that's the way it ought to be, and it's the only way we can hope to have a God-centered family."

Untuk mencapai "God-centered family", ia sebenarnya seperti yang dicatatkan dalam Divine Principle , berdasarkan kepada konsep "four position foundation", yang

merujuk kepada Tuhan, lelaki, perempuan dan anak-anak.

Melalui "God's love", ia akan menghasilkan kasih-sayang di antara suami dan isteri dan kasih sayang antara ibu bapa dengan anak-anak.



Maka dengan itu, "God-centered family" akan tercapai dan akan menuju ke keamanan dunia. Ini kerana melalui "perkahwinan campur", ia dapat wujudkan pergaulan dengan orang asing. Upacara perkahwinan ini pada umumnya dipercayai oleh ahli persatuan akan memastikan generasi baru mereka hidup lebih bahagia. Anak-anak yang dilahirkan melalui "mass-wedding" dipercayai lebih mudah menyesuaikan diri dari segi budaya, bahasa, adat-istiadat yang berlainan berbanding dengan orang umum.

4.3.2 "MASS-WEDDING DALAM KONTEKS MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat 50 orang ahli PBS telah menyertai "mass-wedding" sejak 1989 (32). Langkah pertama untuk menyertai "mass-wedding" antarabangsa ini ialah seseorang ahli mesti mempunyai pengetahuan yang dalam mengenai agama PBS berdasarkan Divine Principle. Dia sekurang-kurangnya telah menyertai seminar jangka pendek iaitu sehari, dua hari, empat hari dan tiga hari. Ahli persatuan tersebut dikehendaki mengisi borang dan pada masa

itu telah mencapai 22 tahun. Berdasarkan borang tersebut, temubual dengan ahli jawatankuasa persatuan akan diadakan.

Seseorang ahli mesti mematuhi syarat-syarat yang tertentu, iaitu pertama, perkahwinan yang dijalankan adalah berkekalan, penceraian tidak dibenarkan seperti yang dikatakan "tills death do us part". Kedua, pasangan perkahwinan bertanggung-jawab mendidik anak-anak mereka, sehingga mempunyai moraliti yang paling unggul dan ketiga, Tuhan adalah pusat segala-gala, dan apa sahaja dilakukan mesti berdasarkan kepada kasih-sayang.

Setiap pemohonan menurut Encik Chew akan dibincangkan dalam mesyuarat khas yang diadakan. Selepas upacara perkahwinan, tempoh perpisahan di antara 40 hari ke 3 tahun dikenakan. Selepas tamat tempoh, pasangan tersebut dapat hidup bersama dan menukuhkan rumah tangga. Tetapi dari kajian pengkaji, sekurang-kurangnya tiga orang ahli dari Ipoh tidak dapat menukuhkan rumah tangga dengan pasangan mereka walaupun tempoh tersebut tamat.

Sebenarnya dari jumlah 50 orang ahli yang telah menyertai upacara perkahwinan ini, hanya 10 pasangan dapat menukuhkan rumah tangga sahaja. Yang lain sama ada yang belum tamat tempoh perpisahan, ataupun yang tamat tempoh tersebut tetapi masih tidak dapat jumpa pasangan mereka. Jawapan yang diberikan oleh Encik Chew ialah :

"Maybe still not the right time. We are still young."

Cara perkahwinan sebegini pada pendapat pengkaji hanya wujud di zaman dahulu, khasnya di Negeri China yang

mengamalkan dasar tertutup kepada orang luar. Ibu bapa pada zaman itu akan pilih jodoh untuk anak-anak mereka, walaupun anak-anak mereka tidak kenal dan tidak suka kepada jodoh yang dipilih itu. Ajaran Confucious yang merebak mengakibatkan anak-anak mereka tidak dapat membantah perintah ibu bapa walaupun mereka tidak setuju dengan pilihan ibu bapa mereka.

Berdasarkan kepada pandangan ini, pengkaji telah tanya pandangan Cik Gan mengenai pasangan yang tidak dapat hidup bahagia selepas menubuhkan rumah tangga. Cik Gan selaku pekerja sepenuh masa di pusat PBS Kuala Lumpur telah berikan penerang dan penjelasan.

Apabila berlaku kes ketidak-tenteraman dalam keluarga yang melalui upacara "mass-wedding". Ahli jawatankuasa persatuan akan cuba sedaya upaya mengelakkan perpecahan dan penceraian keluarga berlaku. Perbualan dan galakkan akan diberi kepada pasangan tersebut berdasarkan ajaran persatuan. Jikalau gagal, pasangan tersebut mempunyai hak untuk bercerai. Namun demikian, perkara sedemikian tidak digalakkan seperti yang dicatatkan dalam syarat-syarat sebelum menjalani perkahwinan.

Berdasarkan Nanyang Siang Pau bertarikh 23 hb Disember 1990, pengkaji telah menemui seorang peniaga dari Ipoh. Beliau telah beritahu pengkaji mengenai kes "mass-wedding" yang berlaku atas saudara terdekatnya selaku ahli PBS.

Lelaki tersebut telah berkahwin dengan seorang

perempuan sebelum mereka menjadi ahli PBS. Setelah menjadi ahli, persatuan telah memaksa kedua mereka bercerai kerana perkahwinan mereka bukan dijalankan oleh pendita Moon. Lebih kurang tiga tahun yang lalu, lelaki tersebut diarahkan menyertai "mass-wedding" di Korea dalam masa 24 jam. Ahli PBS tersebut telah diarahkan berkahwin dengan seorang perempuan Korea. Sehingga hari ini, lelaki tersebut masih tidak dapat hidup dengan "isteri" kedua beliau walaupun tempoh perpisahan telah tamat.

Dari apa yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa persoalan timbul di fikiran pengkaji. Sekiranya semua ahli PBS berhubungan adik-beradik di bawah "true father", pendita Moon, mengapa pula perkahwinan boleh diadakan antara ahli PBS berlainan kewarganegaraan? Bukankah perhubungan mereka juga adik-beradik? Berdasarkan konsep kasih-sayang, adakah perkahwinan sebegini pasti akan wujudkan keluarga yang bahagia?

Persoalan ini pernah pengkaji kemukakan kepada Encik Chew, tetapi malangnya beliau nampaknya cuba sedaya upaya mengelakkan menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, perkahwinan "mass-wedding" ini mempunyai matlamat tersendiri, untuk mencapai keamanan di dunia. Sama ada dapat mencapai matlamat ini melalui perkahwinan ini masih menjadi satu persoalan yang kontroversi.

4.4 KESAN-KESAN DI LUAR NEGERI

Perbincangan mengenai kesan-kesan di luar negeri lebih menumpukan penyiasatan Jason K.S.Sheh di Korea, Jepun,

Taiwan dan Amerika Syarikat di mana beliau memperolehi laporan yang benar-benar berlaku di negara-negara tersebut.

Menurut Jason K.S.Sheh, beliau telah menemuduga seorang penuntut kolej dari Jepun yang menyertai "workshop seminar" PBS di Jepun. Penuntut yang bernama Muro Kenji(33),

"Sekurang-kurang tiga hari selepas seminar, saya rasa otak dan pemikiran saya terganggu dan tidak dapat berfungsi secara normal. Saya rasakan adalah amat sukar bagi saya mengawal pergerakan otak saya."

Ahli tersebut di atas telah membayar 2500 Yen sebagai bayaran penyertaan "workshop seminar" tersebut. Lebih kurang 60 orang terlibat dalam seminar itu, termasuk 10 orang perempuan. "Workshop seminar" tersebut bermula pada pukul 10 pagi dengan ceramah mengenai ajaran PBS selama satu setengah jam. Lepas itu ceramah sambil menyanyi lagu suci dan berdoa diadakan selama 6 jam pada hari pertama itu. Sebagai pengalaman Muro Kenji, beliau merasa otaknya semakin tidak berfungsi dan tidak dapat membezakan apakah yang logik dan apa yang tidak selepas seminar itu.

Semasa makan malam pada hari pertama, terdapat beberapa pemuda mula mengemaskan barang mereka untuk balik. Tetapi akhirnya dengan kata-kata pujukan oleh ahli persatuan yang bertugas, mereka berhenti berbuat demikian. Selepas makan malam, mereka dikehendaki memperkenalkan diri mereka serta menulis laporan mengenai perasaan mereka pada hari tersebut.

Dalam tiga hari "workshop seminar" itu, ceramah selama 21 jam oleh pihak PBS Jepun tentang ajaran dan

falsafah Divine Principle. Sebaik sahaja "workshop seminar" tersebut tamat, menurut Muro Kenji lagi, keadaannya boleh dikatakan menakutkan. Semua peserta berdoa sambil menjerit dan menangis, bagaikan hendak melepaskan sesuatu yang lama terbenam di hati mereka.

Melalui kes Muro Kenji ini, boleh dikatakan seseorang peserta tidak dibenarkan menganalisa ajaran dan topik yang diceramahkan. Mereka hanya menerima sebulat-bulat apa sahaja yang diceramahkan. Masa untuk berbincang tidak dibenarkan. Proses ini diberi nama oleh Jason K.S.Sheh sebagai "brain-washing".

Selain dari kes Muro Kenji, di Jepun juga terdapat seorang penuntut universiti dari Kansai membunuh diri pada 16 Julai 1970, dengan menerjun dari bangunan tinggi selepas menyertai "workshop seminar" oleh PBS Jepun.

Dari kes yang berlaku di Jepun, kita beralih pula ke Taiwan. Pada 6 Februari 1971 apabila "workshop seminar" pertama dilangsungkan di Taiwan, terdapat laporan bahawa seorang peserta menjadi gila dan membongkelkan di khalayak ramai. Akibatnya, persatuan ini telah diharamkan di Taiwan selepas 1971.

Menurut kajian Jason K.S.Sheh juga, setiap tempat yang mempunyai PBS akan berlaku kes ahli-ahli persatuan menentang ibu bapa mereka dan melarikan diri dari rumah. Penghormatan ahli-ahli kepada "true father" nampaknya jauh lebih dari ibu bapa ahli tersebut. Keadaan ini juga dikatakan oleh Jason K.S.Sheh sebagai telah melalui "brain-washing".

Memandangkan keadaan ini ibu bapa kepada anak-anak yang mlarikan diri dari rumah telah bersatu dan menubuhkan persatuan menetang kegiatan dan pertubuhan PBS.

Di Jepun terdapat Pertubuhan Ibu Bapa Mangsa Pergerakan Unification, yang pernah mendemonstrasi pada 27hb April 1975 di Tokyo, dengan slogan "Mengembalikan Anak-anak Kepada Saya!". Di Britain menurut John Butterworth (34), terdapat FAIR, iaitu The Family, Action, Information & Rescue yang ditubuhkan oleh M.P. Paul Rose. Tujuannya ialah untuk membantu bekas ahli PBS, keluarga dan kawan-kawan ahli PBS.

Di Amerika Syarikat pula, lebih dari 1,000 keluarga menghubungi Dutchess District Attorney, mengadu "Unification Movement Church" melakukan sesuatu sehingga pemikiran anak-anak mereka dikuasai oleh pihak "church". Pada Februari 1976, lebih daripada 300 ibu bapa dan bekas ahli PBS berkumpul di Washington untuk "Day Of Affirmation and Protest", meminta penyiasatan dilakukan ke atas persatuan tersebut.

4.4 KESAN-KESAN DI MALAYSIA

Pada 9 hb Disember 1990 (35), Encik Chang dan isterinya dari Ipoh melaporkan empat orang anak mereka telah meninggalkan rumah dan enggan balik setelah menjadi ahli PBS di Ipoh. Anaknya yang masing-masing 19 tahun, 18 tahun, 15 tahun dan 14 tahun enggan hidup bersama mereka di Petaling Jaya berbanding di Ipoh. Seminggu selepas laporan ini, anak sulung Encik dan puan Chang memberitahu surat

khabar bahawa apa yang dikatakan oleh ibu bapanya tidak benar kerana ibu bapa mereka tidak banyak membaca (36). Beliau menerangkan peninggalan mereka dari keluarga tidak kena-mengena dengan PBS di Ipoh.

Merujuk kepada kes ini, pengkaji telah mengambil kesempatan menemui pendita gereja di Ipoh. Pendita Ng Moon Hing dari St. Peter's(Anglican) Church, pendita Yap Kok Kong dari Pasir Pinji Chinese Methodist Church dan pendita Chan Kwang Qui dari Elim Gospal Central telah memberitahu pengkaji bahawa pengaruh PBS di Ipoh telah mempengaruhi ramai pemuda-pemudi di Ipoh. Mereka masing-masing menafikan PBS merupakan pertubuhan Kristian atau Katholik(37).

Menurut pendita Ng, beberapa tahun dahulu beliau pernah menemui seorang ahli PBS yang telah di "brain-wash" mengakibatkan percakapan dan tingkah-lakunya tidak normal. Pemuda tersebut asyik risau, kononnya meninggalkan persatuan dia akan menghadapi sesuatu yang malang. Melalui bimbingan jangka masa panjang, pemikiran pemuda tersebut telah dapat dibetulkan dan kembali kepada keluarga dan masyarakat.

Menurut pengalaman dari pendita gereja dan ibu bapa anak-anak yang pernah menjadi ahli PBS, seseorang pemuda mempunyai "simtom", iaitu perubahan dalam sikap mereka. Mereka tidak akan mendengar nasihat ibu bapa tetapi pentingkan "Jesus" atau "true father". Lama-kelamaan mereka tidak suka balik ke rumah dan menyumbangkan segala-galanya kepada persatuan, seperti kes anak Encik dan puan Chang.

Apabila larangan dibuat oleh ibu bapa, mereka akan

berhenti makan kononnya meringankan dosa yang dibuat oleh ibu bapa mereka. Sekiranya tentangan masih terus dari ahli keluarga, akhirnya mereka akan meninggalkan rumah dan PBS akan hantar ahli tersebut ke cawangan PBS lain untuk mengelakkan halangan dari ibu bapa.

Menurut pendita Ng lagi, ajaran Kristian amat menegaskan perhubungan mesra antara ahli keluarga, tetapi PBS bukan sahaja memecahkan kemesraan keluarga, bahkan menggalakkan anak-anak meninggalkan keluarga. Tindakan ini jelas menunjukkan terpesongnya ajaran PBS.

Pada keseluruhannya, kesan PBS di Malaysia amat besar kerana ia bukan sahaja memecahkan kebahagiaan sesebuah keluarga, tetapi juga menghapuskan masa depan pemuda yang cerah. Tenaga pemuda-pemudi sebagai tiang negara pada penda-pat kebanyakannya responden yang ditemubual, berpendapat ia telah dipergunakan oleh PBS secara amnya untuk kebaikan segelintir manusia. Keadaan ini amat menyesalkan.